



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP KEFAHAMAN MEMBACA ANTARA MURID PASCA LINUS DAN MURID ARUS PERDANA

MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD TARMIZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman membaca murid pasca LINUS dan murid arus perdana di sekolah rendah. Metodologi kajian menggunakan kaedah campuran yang melibatkan kaedah kualitatif berdasarkan analisis transkrip responden serta kaedah kuantitatif berdasarkan kekerapan dan peratus keputusan ujian saringan responden. Dapatan kuantitatif menunjukkan kebanyakan tahap kefahaman membaca murid pasca LINUS adalah pada tahap yang rendah dan hanya segelintir murid berada pada tahap kefahaman literal. Tahap kefahaman membaca murid arus perdana pula berada pada tahap sederhana dengan sebahagian mereka menguasai tahap kefahaman literal dan segelintir menguasai tahap kefahaman taakulan. Dapatan kualitatif pula menunjukkan kualiti kefahaman murid pasca LINUS berada pada tahap yang paling rendah kerana mereka tidak memahami petikan yang dibaca, tidak mampu mengingat semula watak dan plot dalam petikan. Murid arus perdana pula hanya mencapai tahap kefahaman asas; tahap literal yang mana murid ini hanya mampu mengingat semula watak dan plot tetapi tidak mampu membuat penilaian, penghayatan dan andaian secara kritis dan kreatif terhadap petikan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman membaca murid pasca LINUS dan murid arus perdana di sekolah rendah masih pada tahap yang rendah meskipun mereka mampu mengenali dan membunyikan perkataan atau ayat. Implikasi kajian menunjukkan bahawa guru LINUS bukan sahaja perlu mengajar murid agar mereka dapat mengenali dan membunyikan perkataan atau ayat malah perlu mengajar murid berkaitan kefahaman bacaan supaya mereka dapat memahami apa yang dibaca.

READING COMPREHENSION LEVEL BETWEEN POST LINUS STUDENTS AND MAINSTREAM STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the level of reading comprehension of post LINUS students and mainstream students in primary schools. The methodology employed in this study was mixed-method that involved qualitative method based on transcript analysis and quantitative method based on frequencies and percentages of respondents test results. The quantitative findings have clearly shown that the most of the post LINUS students is at a low level and only a some students reached literal level. Level of reading comprehension for mainstream students reached medium level with some of them dominate literal level and some mastering reasoning level. Qualitative findings shows that post LINUS students is at its lowest level of understanding since they do not understand the passage they read, unable to recall the characters and plot in the passages. Mainstream students only reached basic level of understanding; literal level where the students just able to recall the character and plot but not able to make a judgment, appreciation and assumptions critically and creatively toward passage. As a conclusion, this study shows that level of comprehension primary school students still at a low level and do not comprehend the passage they read even though they can recognize and sound out some words or sentences. The Implications of this study shows that the LINUS teachers should not only teach students to recognize and sound out words or sentences but need to teach students related to comprehension so they can understand what they read.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GRAF	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	9
1.3	Tujuan Kajian	13
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Batasan Kajian	15
1.7	Kepentingan Kajian	16



1.8	Definisi Operasional	18
1.9	Rumusan	20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Data Penguasaan Bacaan Murid	22
2.3	Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan	30
2.4	Program Pemulihan	32
2.4.1	Program Pemulihan Khas	38
2.4.2	Program Pemulihan dalam Kelas	39
2.4.3	Program Tiga M (PROTIM)	40
2.4.4	Program KIA2M	42
2.4.5	Program LINUS	43
2.5	Kemahiran Membaca	52
2.5.1	Kefahaman Membaca	67
2.5.2	Tahap Kefahaman Membaca	78
2.6	Kajian Berkaitan Program LINUS	86
2.7	Analisis Kritis Kajian Literatur	90
2.8	Kerangka Konsep	99
2.9	Rumusan	100

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	101
-----	------------	-----

3.2	Reka bentuk Kajian	102
3.3	Populasi Kajian	105
3.4	Responden Kajian	105
3.5	Lokasi Kajian	108
3.6	Instrumen Kajian	108
	3.6.1 Proses Pembinaan Instrumen	109
	3.6.2 Kajian Rintis	119
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	120
3.8	Analisis Data	123
3.9	Proses Pengumpulan Data	125
3.10	Rumusan	126

4.1	Pengenalan	127
4.2	Latar Belakang Responden	129
4.3	Asas Bacaan Responden	132
4.4	Tahap Kefahaman Membaca	135
4.5	Soalan Kajian	145
	4.5.1 Soalan Kajian 1	146
	4.5.2 Soalan Kajian 2	147
	4.5.3 Soalan Kajian 3	148
	4.5.4 Soalan Kajian 4	149
	4.5.5 Soalan Kajian 5	150
	4.5.6 Soalan Kajian 6	151

4.5.7	Soalan Kajian 7	151
4.5.8	Soalan Kajian 8	152
4.5.9	Soalan Kajian 9	153
4.5.10	Soalan Kajian 10	154
4.6	Rumusan	172

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	173
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	174
5.3	Perbincangan	179
5.4	Implikasi Kajian	188
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	194

5.6	Rumusan	196
-----	---------	-----

RUJUKAN	198
----------------	-----

LAMPIRAN	210
-----------------	-----



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
A Minit Mesyuarat Panitia	210
B Pengesahan Instrumen Kajian	214
C Instrumen Saringan Pasca LINUS	229
D Borang Prestasi Murid (Asas Bacaan)	241
E1 Surat Kelulusan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia	242
E2 Surat Kelulusan dari Jabatan Pendidikan Negeri	243
E3 Surat Kelulusan dari Pejabat Pendidikan Daerah	245
E4 Surat Pengesahan dari Universiti	247
E5 Surat Permohonan Menjalankan Kajian di Sekolah	248
F Dapatan Borang Prestasi Murid (Asas Bacaan)	250
G Transkrip Kefahaman Responden	286





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Perkembangan Program Pemulihan	5
2.1	Jurang Peratus GPS Lelaki dan Perempuan	25
2.2	Nisbah lelaki kepada perempuan	26
2.3	Proses membaca menurut Teori Pembelajaran Kognitif	65
2.4	Kerangka Konsep Kajian	99
3.1	Proses Pembinaan Instrumen	109
3.2	Proses Kesahan Kefahaman Bacaan	114
3.3	Proses Bahagian kedua Saringan Pasca LINUS	118
3.4	Proses Analisis Data	123
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	125





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Data Saringan LINUS Tahun Tiga	25
2.2	Perbezaan Penguasaan Mengikut Gender	28
2.3	Kandungan Modul Pengajaran Asas Literasi	49
3.1	Pecahan Kaedah Kajian	104
3.2	Responden Kajian	106
3.3	Kaedah menentukan kategori murid dalam Program LINUS	107
3.4	Aspek Penilaian Asas Bacaan	111
3.5	Kaedah menentukan skor murid dalam Saringan Pasca LINUS	112
3.6	Petikan 1	115
3.7	Petikan 2	116
3.8	Jadual Ringkasan Jenis Pengujian Objektif Kajian	124
4.1	Pecahan Asas Bacaan	133
4.2	Keputusan Asas Bacaan	134
4.3	Soalan Tahap Kefahaman Barrett mengikut petikan	135
4.4	Aspek penilaian mengikut tahap kefahaman	138
4.5	Tahap Kefahaman Mengikut Jenis Sekolah	140
4.6	Tahap Kefahaman Mengikut Gender	142





SENARAI GRAF

No. Graf		Muka Surat
4.1	Bilangan Responden Setiap Sekolah	129
4.2	Bilangan Jenis Responden Setiap Sekolah	130
4.3	Pecahan Jantina Murid Setiap Sekolah	131
4.4	Pecahan Jenis Murid Setiap Sekolah	132
4.5	Perbezaan Tahap Kefahaman Responden Petikan 1 dan Petikan 2	144



SENARAI SINGKATAN

DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
KPI	Indeks Prestasi Utama
KPLI	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	Instrumen Saringan Pasca LINUS
LINUS	Literasi dan Numerasi
LPBS	Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pengesahan Instrumen Kajian
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PROTIM	Program Tiga M
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari oleh murid sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan. Terdapat tiga komponen utama di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran lisan. Setiap kemahiran ini bukan sahaja digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tetapi mata pelajaran yang lain juga. Selain itu, setiap kemahiran ini digunakan di dalam kehidupan seharian. Sebelum murid itu dapat menulis, mereka perlu mahir dalam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

bacaan. Memandangkan masih terdapat murid yang tidak menguasai kemahiran 3M iaitu menulis, membaca dan mengira, maka sudah menjadi tugas seorang guru untuk mengatasi masalah ini.

Dalam menghadapi cabaran yang mendatang, keupayaan murid membaca amat penting agar seiring dengan kemajuan negara. Penguasaan kemahiran membaca sangatlah dituntut agar tiada murid yang tercicir dalam menimba ilmu di peringkat sekolah rendah. Penguasaan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah amat penting supaya mereka dapat menyerap dan memahami serta mempelajari ilmu baharu bagi keperluan mendatang. Hal ini kerana membaca merupakan teras kepada segala keupayaan untuk meneroka alam ini dengan diperkukuhkan oleh faktor kepentingan budaya ilmu (Wan Mohd. Noor Wan Daud, 1994). Untuk memenuhi keperluan insan berilmu, membaca merupakan wahana yang paling berkesan terutama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai. Kebolehan membaca bukan sahaja dianggap sebagai asas utama bagi mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial, malah sistem persekolahan itu sendiri menganggapnya sebagai asas bagi seseorang itu terus meningkat dalam alam persekolahannya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Kamarudin Hj Husin, 1998).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Keciciran dalam menguasai bacaan dalam kalangan murid sekolah rendah perlu dipandang serius dalam mewujudkan suatu sistem pendidikan yang lebih komprehensif dan meliputi keperluan murid di sekolah rendah. Objektif asas dalam mana-mana sistem pendidikan adalah untuk memastikan setiap murid dibekalkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan. Dari segi sejarahnya, sistem pendidikan Malaysia, seperti negara lain di dunia, memberi penekanan terhadap pembangunan kandungan pengetahuan yang kukuh menerusi mata pelajaran seperti Sains, Matematik dan bahasa. Walau bagaimanapun, terdapat kesedaran yang semakin meningkat di peringkat global bahawa penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) sahaja tidak mencukupi bagi murid yang akan meninggalkan alam persekolahan. Tumpuan bukan hanya kepada kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan, tetapi juga membangun kemahiran berfikir aras tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM 2013-2025). Andai seseorang murid itu mengalami masalah dalam bacaan, ini menghalang murid tersebut untuk memperoleh ilmu dan maklumat daripada bahan-bahan bercetak mahupun media elektronik. Penguasaan murid sekolah rendah dalam kemahiran bacaan dan kefahaman merupakan satu aspek penguasaan yang sangat penting dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka, peluasan pengetahuan, menyelesaikan masalah serta menghadapi proses pembelajaran dengan lancar dan berjaya. Murid yang telah menguasai kemahiran membaca dan kefahaman bacaan merupakan satu aset bernilai kerana penguasaan ini akan dapat mempertingkatkan kemahiran bahasa yang membolehkan pembelajaran berlaku dengan berkesan.

Di samping itu, proses membaca juga melibatkan analisis yang dilakukan oleh murid semasa membaca bagi mendapatkan gambaran atau idea yang terdapat dalam teks. Kesan penguasaan kefahaman bacaan pula akan membina kemahiran membentuk makna daripada bahan bacaan, mengumpul maklumat penting yang berkaitan bahan bacaan, membuat tafsiran yang tepat dan berkemampuan untuk belajar secara efektif. Kombinasi ini akan membentuk seorang murid yang cekap,

bijak, matang dan berfikiran kreatif dan kritis. Keadaan ini amat bersesuaian dengan matlamat dan tumpuan pendidikan di negara kita sekarang yang memberi keutamaan kepada membina kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta selari dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu:


“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Justeru, pengajaran yang efektif dan sesuai dengan keperluan amat penting dalam melahirkan murid yang boleh membaca dan berfikir secara kreatif dan kritis. Tugas guru bukanlah sahaja mengajar murid malah tugas guru adalah sebagai pembimbing kepada murid dalam merencana sistem pendidikan di negara kita. Meskipun masih terdapat murid yang tidak menguasai kemahiran membaca yang membataskan mereka untuk lebih berdaya saing dan berfikiran secara kreatif dan kritis, peranan guru dan Kementerian Pendidikan amatlah penting. Salah satu cara bagi menangani masalah ini, pihak kementerian telah mewujudkan satu program pemulihan berserta modul bagi membantu guru dalam menangani masalah buta huruf di sekolah rendah.

Seiring dengan itu, kementerian telah membuat satu perubahan dalam program pemulihan dengan mewujudkan program LINUS bagi membantu murid yang sukar menguasai 3M ataupun buta huruf. Program LINUS ini bukanlah satu-satunya program pemulihan yang pernah dijalankan oleh kerajaan, tetapi program ini merupakan program baharu yang mentransformasikan program pemulihan sedia ada.

Jika dilihat program pemulihan di sekolah rendah telah mengalami banyak perubahan sejak kewujudan program pemulihan ini. Dalam Rajah 1.1 ada menunjukkan perubahan demi perubahan program pemulihan yang telah dilaksanakan di sekolah rendah.

Rajah 1.1: Perkembangan Program Pemulihan



Berdasarkan Rajah 1.1, program pemulihan telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Pelbagai program telah diwujudkan oleh kementerian bagi membantu murid-murid yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kesemua program ini diwujudkan bagi membantu murid-murid agar menguasai kemahiran

membaca dan menulis secara lebih terancang dan sistematik. Program-program ini bukan sahaja diwujudkan bagi memahirkan murid dalam kemahiran membaca dan menulis, tetapi turut bertujuan untuk membina keyakinan diri dan tanggapan positif pada diri murid terhadap pembelajaran di sekolah.

Berdasarkan laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (2012), pada bulan Ogos 2009, suatu program telah diperkenalkan oleh kementerian bagi membantu murid yang lemah membaca dan menulis. Program ini dikenali sebagai Program Literasi dan Numerasi (LINUS). Malahan kewujudan program LINUS ini juga bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pendidikan di negara kita. Harapan daripada program ini agar murid sekolah rendah tiada lagi yang buta huruf. Dengan adanya program ini, keupayaan murid akan sentiasa dipantau agar prestasi murid ini meningkat. Kerjasama di antara pihak guru dan pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pemantauan yang rapi dari pelbagai pihak dilihat begitu baik dalam memastikan jumlah murid yang buta huruf semakin berkurangan. Penglibatan di antara pihak PPD dan pihak sekolah dalam merencanakan agenda kerajaan ini amatlah dihargai. Perancangan program ini secara khusus dengan strategi yang terancang didapati banyak membantu guru agar murid yang lemah bacaan mereka dapat menguasai bacaan dengan baik. Berdasarkan strategi yang terdapat dalam Program LINUS ini, guru akan membimbing murid yang lemah dalam bacaan sehingga mereka berjaya membaca tanpa bimbingan guru tersebut. Murid ini juga akan melalui dua kali saringan setiap tahun sehingga mereka berada pada tahun tiga. Dalam pada itu, pihak PPD pula akan memantau prestasi murid yang lemah membaca ini dan mengenal pasti masalah serta memberi bantuan kepada guru



dalam membimbing dan juga sebagai pemudah cara kepada guru untuk mengajar murid yang lemah dalam bacaan. Dengan penglibatan banyak pihak, program ini dilihat amat baik untuk diteruskan di masa akan datang.



kepada 54, 272 murid yakni 13%. Selain itu, data KIA2M pada tahun 2008 menunjukkan sebanyak 54,000 murid Tahun satu belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (literasi). Di samping itu, data Program Tiga M (PROTIM) tahun 2008 pula menunjukkan sebanyak 48,233 murid Tahun empat belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (literasi). Manakala data Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM menunjukkan kadar keciciran murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia pada tahun 2008 adalah sebanyak 31,939. Berdasarkan skor Program Tiga M (PROTIM) untuk 2M pada tahun 2009, jumlah murid dalam PROTIM adalah seramai 59, 950 murid. Manakala di negeri Perak sahaja terdapat 3 999 murid dalam PROTIM yang mencapai tahap literasi sederhana. (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, 2012)



Ini jelas menunjukkan bahawa bilangan murid yang tidak menguasai kemahiran asas literasi semakin meningkat meskipun program-program kerajaan seperti PROTIM dan KIA2M telah dilaksanakan bagi menangani masalah ini. Lantaran itu, matlamat Program LINUS ini adalah untuk memastikan semua murid tahap satu sekolah rendah berupaya untuk menguasai asas literasi pada akhir tahun 2012 kecuali murid yang berkeperluan khas. KPM mensasarkan seramai 90% murid boleh membaca ketika mereka berada di tahun empat yakni pada tahun 2013.

Berdasarkan Laporan Akhbar Berita Harian bertarikh 21 November 2012, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran, Shamsuri Sujak berkata 99.84 peratus pelajar Tahun Tiga yang mengikuti program LINUS sejak 2010 berjaya menguasai literasi daripada jumlah itu hanya 0.15 peratus atau 692 adalah pelajar yang perlu mengikuti pemulihan literasi. Manakala dalam Laporan Awal PPPM yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), menyatakan bahawa Program LINUS ini menunjukkan kejayaan yang menggalakkan kerana terdapat peningkatan literasi Bahasa Malaysia daripada 87 peratus kepada 98 peratus. Berdasarkan laporan yang dikemukakan, seharusnya murid-murid kekal menguasai kemahiran membaca selepas mengikuti tiga tahun pendidikan rendah melalui Program LINUS. Hasil yang didapati ini amat memberangsangkan semua pihak. Ini menunjukkan bilangan murid yang boleh membaca telah meningkat dengan adanya Program LINUS ini.

Namun begitu, kebanyakan usaha ini hanya tertumpu pada bacaan murid sahaja. Meskipun kebanyakan murid yang telah melalui Program LINUS ini mampu

membaca, tahap kefahaman terhadap bahan bacaan perlu ada dalam diri mereka agar mereka dapat berdaya saing dengan murid yang berada di arus perdana. Dengan tahap kefahaman yang sama dengan murid arus perdana, barulah mereka ini dapat menerima ilmu dan memanfaatkan ilmu mereka di dalam bilik darjah. Andai tahap kefahaman murid ini berbeza dengan murid arus perdana, perasaan rendah diri akan timbul dalam diri mereka menyebabkan mereka mula malas untuk belajar dan ini menjejaskan prestasi murid tersebut. Justeru, pengkaji amat berminat untuk melihat tahap kefahaman murid yang telah menyertai Program LINUS dan juga tahap kefahaman murid arus perdana terhadap bahan bacaan yang mereka baca.

1.2 Pernyataan Masalah

Program LINUS merupakan sebuah program baharu yang memerlukan banyak penyelidikan dijalankan bagi melihat produk ini berjaya. Meskipun masih baharu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap program ini. Namun begitu, pengkaji melihat tiada kajian yang dijalankan berfokus kepada murid yang telah melalui atau melepasi saringan yang terdapat dalam Program LINUS ini. Kebanyakan kajian yang dijalankan hanyalah melihat daripada aspek luaran program ini seperti kaedah pengajaran, peranan guru LINUS dan pengurusan program ini. Masih tiada kajian yang dijalankan terhadap prestasi murid LINUS yang telah berjaya memasuki aliran perdana dan melalui pembelajaran arus perdana.

Antara kajian yang telah dijalankan seperti kajian Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam dan Saedah Siraj (2011) berkaitan cabaran

guru Program LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Selain itu, kajian Hasnalee Tubah dan Zulkifley Hamid (2011) yang meninjau pengaruh demografi terhadap penguasaan kemahiran membaca dan memahami murid-murid LINUS, kajian Evelyn Wong Po Lin (2014) pula melihat amalan pengurusan Program LINUS di Sekolah Kebangsaan. Di samping itu, kajian Marina Ramle (2012) dijalankan bagi mengenal pasti kesan teknik pengajaran terhadap prestasi kemahiran membaca murid pemulihan LINUS, kajian Tuzana (2014) pula dijalankan untuk menguji keberkesanan pembelajaran dan pengajaran menggunakan Modul Bacaan Bergred terhadap murid Linus tegar, manakala kajian Maziah Mohd Sapar, Muhammad Nubli dan Mohd Firdaus (2012) mengkaji keberkesanan kaedah latihan terapi biofeedback EmWave menggunakan modul LINUS. Begitu juga kajian Nazariyah Sani (2014) yang menganalisis pelaksanaan Program LINUS yang menumpukan kepada masalah literasi murid sahaja dan kajian yang dijalankan oleh Hasnalee Tubah (2012) yang meninjau keberkesanan pelaksanaan program intervensi LINUS terhadap kemahiran membaca dan memahami murid-murid tahun satu.

Ini jelas menunjukkan kajian-kajian terbaharu yang dijalankan hanya meliputi aspek sokongan terhadap Program LINUS dan bukannya terhadap prestasi murid LINUS yang telah berjaya memasuki pembelajaran arus perdana. Sebagai mana yang sedia maklum, Program LINUS merupakan satu program yang dapat membantu murid-murid yang lemah dalam bacaan menguasai kemahiran membaca berpanduan modul yang telah disediakan oleh pihak kementerian dengan bantuan guru agar murid yang ini dapat menguasai kemahiran membaca sebelum melangkah ke tahun empat. Meskipun hasil Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang telah dijelaskan sebelum ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan,

namun aspek bacaan sahaja yang dititikberatkan dalam Program LINUS ini. Tahap kefahaman membaca bagi murid yang telah menyertai Program LINUS perlu dilihat agar mereka ini dapat kekal berdaya saing di kelas arus perdana. Justeru, pengkaji ingin melihat tahap kefahaman membaca antara murid LINUS dan murid arus perdana semasa mereka berada di tahun empat.

Dalam melihat tahap kefahaman membaca murid LINUS dan murid arus perdana, sudah pasti murid yang terlibat berada di Sekolah Kebangsaan (SK) dan bukan sekolah kebangsaan yakni Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 ada menyatakan bahawa jurang pencapaian antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan semakin mengecil. Tidak wujud perbezaan yang ketara antara Sekolah Kebangsaan (SK) dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dari segi pencapaian dalam UPSR. Sejak lima tahun yang lalu, jurang pencapaian dalam kalangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berjaya dikurangkan sebanyak 50%, dan jurang pencapaian antara sekolah SJKT dengan SK dan SJKC adalah kurang daripada 4 mata peratus. Justeru, pengkaji ingin melihat jurang pencapaian tahap kefahaman membaca antara murid LINUS dan murid arus perdana yang berada di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah jenis kebangsaan tamil. Di samping itu, Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 turut menyatakan jurang pencapaian antara gender adalah signifikan dan terus melebar dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Pencapaian murid perempuan sentiasa mengatasi murid lelaki pada semua peringkat. Jurang pencapaian antara gender mula ketara di peringkat UPSR dan berterusan sehingga ke universiti, iaitu 70% daripada kohort universiti terdiri daripada pelajar perempuan. Walaupun

fenomena ini bukan unik bagi Malaysia, namun ia memerlukan perhatian bagi memastikan negara tidak mempunyai kohort murid lelaki yang ‘tercicir’, sama ada meninggalkan sistem persekolahan lebih awal atau merupakan kumpulan berprestasi rendah. Oleh kerana terdapat jurang pencapaian antara murid lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam di Malaysia, kajian ini juga ingin mengenal pasti jurang pencapaian gender yang mungkin ada dalam menjalankan kajian ini. Begitu juga dengan jurang pencapaian yang wujud antara Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil turut akan dikenal pasti dalam kajian ini.

Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk menjalankan kajian terhadap murid LINUS yang telah berjaya ke kelas arus perdana dan melalui pembelajaran dalam kelas arus perdana bersama-sama dengan murid arus perdana. Aspek yang ingin dilihat adalah berkaitan dengan kemahiran membaca secara khususnya kefahaman membaca bukan sahaja murid LINUS malah murid arus perdana. Kajian ni adalah bertujuan bagi melihat aspek kemahiran membaca murid LINUS ini setelah berjaya melepasi saringan-saringan dalam Program LINUS. Kajian ini turut dijalankan atas dasar untuk melihat perbandingan tahap kefahaman membaca antara murid LINUS dan murid arus perdana yang berada di sekolah kebangsaan mahupun bukan sekolah kebangsaan dan juga antara murid lelaki dan murid perempuan. Pengkaji juga percaya bahawa kajian ini amat penting dan mampu memberi sumbangan dan impak besar dalam sistem pendidikan negara dan khususnya dalam pembangunan sistem pendidikan Bahasa Melayu.